

18 SEP 2002

M'SIA-NAM/I

M'SIA MAIN PERANAN UTAMA DALAM NAM

Oleh: Saraswathi Muniappan

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Malaysia memainkan peranan utama dalam menggerakkan idea-idea progresif yang dikongsi bersama oleh negara-negara membangun dalam Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), kata Duta Bangladesh ke Malaysia, Masood Aziz.

"Malaysia memainkan peranan yang sangat berkesan. Ianya menonjol kerana ia mempunyai pengaruh ekonomi dan politik," katanya kepada Bernama dalam satu temubual baru-baru ini.

Malaysia berada di tahap di mana pemimpin-pemimpin dunia mendengar dan memberi perhatian kepada apa juga yang disuarakan oleh negara dan terutamanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

Beliau berkata kerjasama erat di kalangan negara membangun dalam isu-isu global adalah penting untuk mengusulkan pandangan dan membawa kepentingan daripada negara-negara ini.

Bangladesh juga membuat keputusan yang bebas, sebagai contoh negara itu percaya dengan penyelesaian secara aman dan Malaysia turut mempunyai pandangan yang sama dan ianya akan mengukuh dan menambahkan kekuatan kepada mana-mana dasar yang diusahakan di peringkat antarabangsa.

Dengan peranan yang dimainkannya itu, ia adalah satu penghormatan bagi Malaysia untuk menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak NAM ke-13 yang akan diadakan di sini selama lima hari bermula daripada 20 Feb 20 tahun depan, katanya.

Persidangan NAM pertama diadakan pada 1961 dengan penyertaan daripada 25 negara. Persidangan itu menyediakan landasan kepada negara-negara membangun Selatan untuk menyuarakan pandangan alternatif berhubung perkara-perkara berkaitan kepentingan global.

Masood berkata meskipun sebenarnya ia adalah giliran Bangladesh untuk menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM ke-13, kerajaan baru negara itu, secara realistiknya menyatakan ia belum bersedia untuk mengendalikan Sidang Kemuncak besar seperti itu yang melibatkan hampir 119 negara.

"Meskipun kami mempunyai pusat konvensyen dengan kemudahan dan ruang yang besar kami juga perlu mempunyai banyak kemudahan hotel dan kereta," katanya.

Malaysia mempunyai semua kemudahan asas itu dan ia juga akan menganjurkan mesyuarat Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) pada Oktober 2003, kata Masood.

-- BERNAMA

SM SD ZK